



UNTUK SIARAN SEGERA

MIDF RAIKAN SYAWAL BERSAMA PELANGGAN DAN RAKAN KORPORAT

Kuala Lumpur, 18 Jun 2019 – Lebih daripada 1000 pelanggan dan rakan korporat Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah hadir memeriahkan majlis sambutan Hari Raya tahunannya yang diadakan di Hotel Istana hari ini.

Tahun ini, MIDF telah memilih tema 'Malaysia' dan tetamu dihidangkan dengan juadah terkenal setiap negeri seperti sup tulang Kedah, kacang pool Johor, char kuey teow Ipoh, rojak pasembor Pulau Pinang, lemang Negeri Sembilan dan pelbagai jenis manisan termasuk kuih-muih, kek dan ABC.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dr. Ong Kian Ming. Turut menghadiri majlis tersebut ialah bekas pemenang Liga Cabaran Ninja dan penerima Anugerah Khas bagi Anugerah Perdana Belia Negara 2018, Mohd Redha Rozlan atau lebih dikenali sebagai Mat Redho, atlet pertama yang ditaja oleh MIDF.

Majlis sambutan Hari Raya tradisi MIDF ini dihoskan oleh Pengerusi MIDF, Tan Sri Abdul Rahman Mamat dan Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Dato' Charon Wardini Mokhzani.

Tetamu dihiburkan oleh Matahari Band, kumpulan muzik yang terkenal di arena acara dan hiburan tempatan.

###

Mengenai MIDF

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Irma Mahamad Tahir

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: irmawati@midf.com.my

Farrash Hasbollah

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (019) 6613 535

Emel: farrash@midf.com.my

Mastura Md Mukhlas

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 1832

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 2000 381

Emel: masturam@midf.com.my